

# Kikis tanggapan pelaburan amanah saham terjamin

UM 10 JAN 2003

PUTRAJAYA 9 Jan — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta para pelabur amanah saham negeri membetulkan persepsi mereka bahawa pelaburan dalam saham itu pasti menguntungkan sedangkan ia juga terdedah kepada risiko kerugian.

Menurut Perdana Menteri, para pelabur terbabit juga harus kikis tanggapan kononnya pelaburan mereka terjamin serta akan dibantu kerajaan sekiranya mengalami kerugian.

“Saya kurang faham kenapa pelabur yang melabur dalam amanah saham berpendapat bahawa kalau rugi kerajaan mesti bantu mereka,” katanya ketika menjawab soalan salah seorang peserta pada Forum Global 2003 di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya adakah kerajaan akan membantu menyelamatkan saham-saham amanah milik kerajaan negeri yang kelihatan tenat serta merugikan ramai pelabur.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, para pelabur harus faham bahawa adakalanya pelaburan yang mereka lakukan akan menghasilkan keuntungan dan adakalanya tidak.

Jelas beliau, para pelabur juga harus menerima hakikat bahawa mereka pasti rugi dan tidak akan menerima sebarang dividen jika berlaku kejatuhan pada harga saham terbabit.

Menjawab satu soalan lain pula, Dr. Mahathir berkata, pada masa ini memang terdapat bank yang sudah tidak berminat untuk memberi pinjaman kepada peminjam kecil sejak proses penggabungan bank selesai.

Beliau, berkata, tindakan bank-bank berkenaan telah menimbulkan masalah kepada peminjam terlibat.

“Nampaknya, bank cuma hendak memberi pinjaman kepada peniaga besar. Mereka tak mahu berapa nak layan peniaga kecil,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, negara-negara maju dan kaya sepatutnya memberi ruang kepada negara-negara sedang membangun untuk bersaing secara sihat dengan mereka.